

Headline	Kerja perobohan Stadium Shah Alam selesai tahun depan		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	08 Feb 2024	Language	Malay
Circulation	112,705	Readership	338,115
Section	Setempat	Page No	12
ArticleSize	136 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 16,073		



Kerja perobohan Stadium Shah Alam selesai tahun depan

Shah Alam: Kerja merobohkan Stadium Shah Alam dijangka diselesaikan pertengahan tahun hadapan.

Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, satu langkah kritikal diambil membabitkan pembangunan Stadium Shah Alam susulan perjanjian persefahaman antara Menteri Besar Selangor (Pemerintahan) MBI Selangor dan Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB), semalam.

“Perjanjian persefahaman ini sekali gus menandakan permulaan kerja fizikal selepas melalui proses perancangan dan prosedur rapi.

“Proses merobohkan stadium dimulakan dengan pemasangan dinding penghadang diikuti proses merungkai struktur sedia ada yang dijangka mengambil tempoh sehingga pertengahan tahun hadapan.

“Saya tekankan kepada pihak terbabit bahawa pembangunan Stadium Shah Alam harus menepati segala piawaian ditetapkan

kerajaan negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta menggunakan pakai kaedah terbaik (*best practices*) dalam pembangunan infrastruktur terutama dalam skala begini.

“Segala langkah mitigasi bagi menangani impak pembangunan dimaklumkan pihak pemaju kepada komuniti tempatan agar proses ini berjalan sebaiknya,” katanya.

Media sebelum ini melaporkan, Amirudin mengesahkan proses merobohkan Stadium Shah Alam bagi pembangunan Kompleks Sukan Shah Alam (KSSA) yang baharu tidak menggunakan peledak atau bom, sebaliknya secara manual.

Jelas beliau, tugas itu dilaksanakan selepas selesai pengalihan sub stesen Tenaga Nasional Berhad (TNB).

Projek pembangunan semula KSSA yang membabitkan kawasan seluas 76.08 hektar itu dijangka siap sepenuhnya menjelang 2026.